

Jentera perang dadah akan disusun semula: Dr. M

KERAJAAN akan menyusun semula semua jentera yang bertanggungjawab memerangi penyalahgunaan dadah supaya ia dapat dijalankan dengan lebih berkesan, kata Dato Seri Dr. Mahathir hari ini.

Kata Timbalan Perdana Menteri itu, dengan penyusunan itu, Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dengan masalah dadah akan dapat menyelaraskan segala tindakan mereka.

Bellau yang juga Pengerusi Jawatankuasa

KUALA LUMPUR, Sabtu

Kabinet mengenal penyalahgunaan dadah berkata demikian di majlis pelancaran kempen anti dadah Persekutuan Pencegah Salahguna Dadah Malaysia (Pemadam) di Universiti Malaya, pagi tadi. Bellau juga merasmikan kursus dua hari untuk kakitangan penting Pemadam.

Katanya, satu unit bertindak yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Rais Yatim telah pun ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Kabinet

mengenal penyalahgunaan dadah.

Unit tersebut mempunyai kuasa tertentu untuk menyelaraskan dan bertindak ke atas segala bidang kegiatan Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan badan sukarela yang terlibat dengan masalah dadah.

Keutamaan

Dato Seri Dr. Mahathir menambah, bellau telah pun mengarahkan unit tersebut segera menyusun strategi mereka memerangi dadah dari semua aspek melalui

langkah yang ditetapkan.

Kerajaan katanya, akan memberi keutamaan melalui penyelarasan yang lebih berkesan, kepada segala peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pemuliharaan dan sebagainya.

Bellau bagaimanapun, kurang senang dengan angka penagih dadah yang semakin meningkat negara ini.

Bellau berkata demikian berdasarkan kepada perangkaan-perangkaan yang menunjukkan bilangan orang yang ditangkap kerana kesalahan dadah telah meningkat dari setahun ke setahun.